
E-BUKU PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN KALI KE-31

1. PENYERTAAN MAJLIS KONVOKESYEN PIS KALI KE-31 (KONVO 31).

1.1 Majlis Konvokesyen Politeknik Ibrahim Sultan kali ke-31 akan berlangsung mengikut ketetapan berikut:

Tarikh/Hari	Lokasi	Sidang	Masa	Jabatan	Sesi Graduat
5 September 2026 /Sabtu	Dewan Wawasan Politeknik Port Dickson	1	8.00 pagi hingga 12.30 tengahari	JPH dan JPKV	Ijazah Sarjana Muda: Sesi Akademik II: 2024/2025 Dan Akademik I: Sesi 2025/2026 Diploma: Sesi II 2024/2025 dan Sesi I 2025/2026 Sijil Sesi II 2024/2025 dan Sesi I 2025/2026
		2	2.00 petang hingga 5.00 petang	JKE dan JKM	

1.2 Penyertaan graduan ke Majlis Konvokesyen penganugerahan Ijazah Sarjana Muda / Diploma/ Sijil hanya sah setelah menyempurnakan perkara- perkara berikut:-

- i. Menjelaskan bayaran penyertaan konvokesyen.
- ii. Mengisi bukti pembayaran dan maklumat lengkap graduan melalui pautan smp.pis.edu.my/ukonvo/konvo_login.jsp (i-Konvo) sebelum atau pada **1 September 2026 (Selasa)**.

Nota :

Perkara (ii) di atas adalah wajib bagi **semua graduan** sama ada hadir atau tidak ke Majlis Konvokesyen PIS kali ke-31. Kegagalan graduan berbuat demikian boleh mengakibatkan pengurusan traskrip/sijil graduan akan terganggu.

- 1.3 Graduan yang masih berhutang atau belum menjelaskan saman, **boleh menyertai** Majlis Konvokesyen, tetapi transkrip/ sijil akan ditahan oleh Unit Peperiksaan sehingga bayaran dijelaskan.
- 1.4 Graduan yang akan hadir ke Majlis Konvokesyen, **WAJIB** mengikuti sesi berikut :-
 - i. Pendaftaran Graduan.
 - ii. Raptai Konvokesyen (melalui video)
 - iii. Majlis Konvokesyen.

2. BAYARAN KONVOKESYEN KE- 31 & BAYARAN ALUMNI

- 2.1 Kadar bayaran konvokesyen kali ke-31 ialah:-
 - i. RM 300.00 (**hadir**) – Graduan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma
 - ii. RM 250.00 (**tidak hadir**) - Graduan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma
 - iii. RM250 (**hadir**) - Graduan Sijil
 - iv. Rm200 (**tidak hadir**) - Graduan Sijil

Kadar bayaran yang dinyatakan ini adalah termasuk **Yuran Alumni** seumur hidup sebanyak **RM50**.

Bayaran dikecualikan untuk graduan Ijazah Sarjana Muda yang pernah menjadi pelajar di PIS semasa pengajian peringkat Diploma.

2.2 Kaedah Pembayaran boleh dibuat melalui ketetapan berikut:

Bil	Tujuan Bayaran	Nilai (RM)	Kaedah Bayaran	Catatan
1	Bayaran Konvokesyen bagi Ijazah Sarjana Muda & Diploma (Hadir Konvokesyen)	250 (wajib bayar)	iPayment	Rujuk LAMPIRAN A untuk Pendaftaran iPayment dan Kaedah Bayaran iPayment
2	Bayaran Konvokesyen bagi Ijazah Sarjana Muda & Diploma (Tidak Hadir Konvokesyen)	200 (wajib bayar)	iPayment	Rujuk LAMPIRAN A untuk Pendaftaran iPayment dan Kaedah Bayaran iPayment
3	Bayaran Konvokesyen bagi Sijil (Hadir Konvokesyen)	200 (wajib bayar)	iPayment	Rujuk LAMPIRAN A untuk Pendaftaran iPayment dan Kaedah Bayaran iPayment
4	Bayaran Konvokesyen bagi Sijil (Tidak Hadir Konvokesyen)	150 (wajib bayar)	iPayment	Rujuk LAMPIRAN A untuk Pendaftaran iPayment dan Kaedah Bayaran iPayment
5	Bayaran Keahlian Alumni	50 (wajib bayar kecuali graduan Ijazah Sarjana Muda yang pernah menjadi pelajar PIS di peringkat Diploma)	Akaun Koperasi Politeknik Ibrahim Sultan. No. Akaun : 0108-7010-0191-47 (Bank Islam)	Sila gunakan Perbankan Internet iaitu kaedah Duitnow atau instant transfer) Graduan WAJIB meletakkan maklumat berikut pada bahagian: Recipient reference: KONVO31<jarak>(6 digit terakhir no IC graduan) Pembayaran melalui mesin ATM atau Cash Deposit Machine (CDM) tidak dibenarkan. Hantar resit bukti pembayaran di link: https://tinyurl.com/yuranALUMNIPIS

2.3 Bukti pembayaran konvokesyen.

Simpan salinan slip pembayaran dalam telefon graduan untuk rujukan bila diperlukan. Sila simpan rekod bayaran ini sehingga skrol diploma/sijil diperolehi.

2.4 Graduan yang **TIDAK MENGHADIRI** Majlis Konvokesyen.

- i. **Penting** : Graduan yang **TIDAK HADIR**, sijil/diploma akan diposkan ke kediaman graduan, setelah bayaran dijelaskan selewat-lewatnya **12 September 2026 (Sabtu)**.
- ii. Jika Graduan membuat bayaran selepas dari tarikh diatas, graduan hanya boleh mendapatkan sijil/diploma di **Unit Peperiksaan PIS**.
(Urusan pos sijil tidak akan dibuat).

2.5 Pengesahan Kehadiran (Hadir/Tidak Hadir melalui SPMP)

- i. Setelah bayaran dibuat, graduan WAJIB mengesahkan status hadir/tidak hadir konvokesyen di SPMP melalui pautan http://spmp.pis.edu.my/ukonvo/konvo_login.jsp

2.6 Bagi memudahkan sebarang pertanyaan dan informasi terkini konvokesyen, graduan dipelawa untuk menyertai Kumpulan Telegram melalui pautan

<https://telegram.me/+MlqIKufoBFQzODI9>.

3. PENDAFTARAN GRADUAN

3.1 Graduan perlu membuat proses pendaftaran graduan sebelum acara raptai bermula. Graduan tidak akan dibenarkan menyertai Majlis Konvokesyen sekiranya tidak membuat proses pendaftaran ini.

3.2 Jadual Pendaftaran graduan adalah seperti berikut :-

Tarikh : 4 September 2026 (Jumaat)

Masa : 8.30 pagi – 12.30 tengah hari

Tempat : DK5 dan DK6 (Politeknik Port Dickson)

4. RAPTAI KONVOKESYEN

TIADA raptai Majlis Konvokesyen kali ke-31. Graduan akan diberikan panduan melalui tayangan video oleh urusetia.

5. MAJLIS KONVOKESYEN

5.1 **Perarakan graduan ke Dewan Wawasan bermula di dataran pelajar (Foyer belakang perpustakaan).** Semua graduan dikehendaki berkumpul di lokasi berkenaan sebelum perarakan masuk ke dewan.

5.2 Graduan dikehendaki hadir di Dataran Graduan pada **7.30 pagi (sidang 1)** dan **1.30 petang (sidang 2)** sebelum waktu perarakan masuk ke dewan bagi mengelakkan dari dihalang menyertai Majlis Konvokesyen.

5.3 Semasa majlis berlangsung, graduan, ibubapa atau penjaga dikehendaki menghormati Majlis Konvokesyen dengan penuh adab dan mematuhi protokol majlis.

- 5.4 Graduan, ibubapa atau penjaga dilarang meninggalkan dewan sebelum atau semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung.
- 5.5 Tempat duduk adalah terhad, sila tunjukkan **“Pas Masuk Majlis Konvokesyen kali ke-31”**. Hanya dibenarkan untuk **dua (2) orang dewasa** sahaja.
- 5.6 Suhu dewan konvokesyen adalah sejuk, **ibubapa atau penjaga digalakkan untuk berpakaian sopan dan kemas** yang bersesuaian dengan majlis.

6. URUSAN JUBAH & KELENGKAPAN

- 6.1 Peminjaman Jubah dan Kelengkapan
 - i. Sila bawa bersama Borang Peminjaman Jubah dan kelengkapan yang telah dilengkapi dengan maklumat graduan. Salinan slip bayaran perlu ditunjukkan kepada Urusetia Jubah semasa pengambilan jubah.
 - ii. Ibu / bapa/ penjaga yang mewakili graduan untuk mengambil jubah perlu melengkapi Borang Wakil Ambil Jubah.
 - iii. Sila rujuk jadual di bawah untuk tindakan graduan.

SIDANG	JABATAN	MASA	TEMPAT
1	JPH JRKV	9.00 pagi – 12.15 tengah hari (Setelah selesai mendaftar), 4 September 2026	DKU1, DKU2 Politeknik Port Dickson
2	JKE JKM	2.30 – 5.00 petang (Setelah selesai pendaftaran), 4 September 2026	

Nota : Pengambilan jubah dan kelengkapan setelah graduan selesai proses pendaftaran.

6.2 Pemulangan Jubah dan Kelengkapan

- Jubah dan kelengkapan hendaklah dipulangkan sebaik sahaja Majlis Konvokesyen selesai.
- Kegagalan memulangkan jubah dan kelengkapan akan menyebabkan Ijazah Sarjana Muda /Diploma/ Sijil ditahan oleh Unit Peperiksaan.
- Bayaran denda lewat pulang/ rosak/ hilang adalah seperti berikut:

Denda Lewat Pulang	Jubah/ <i>Mortarboard</i> / Aksesori	RM50.00/ hari
Denda Rosak atau Hilang	Jubah	RM500.00/ sehelai
	<i>Mortarboard</i> / Aksesori	RM30.00 (Rosak) RM70.00 (Hilang)

- iv. Waktu pemulangan jubah dan kelengkapan adalah seperti di bawah :-

SIDANG	JABATAN	MASA	TEMPAT
1	JRKV JPH	5 September 2026 (Sebelum 2.30 petang)	DKU1, DKU2
2	JKE/JKM	5 September 2026 (Sebelum 6.30 petang)	Politeknik Port Dickson

Nota : Pemulangan jubah dan kelengkapan setelah graduan selesai majlis konvokesyen

7. PENGAMBILAN DIPLOMA DAN SIJIL

- 7.1 Graduan boleh menuntut transkrip/sijil masing- masing sebaik sahaja Majlis Konvokesyen berakhir dan membuat pengesahan pemulangan jubah.

SIDANG	JABATAN	MASA	TEMPAT
1	JRKV JPH	5 September 2026 (Selesai pemulangan jubah sehingga sebelum 2.30 petang)	DK5
2	JKE/JKM	5 September 2026 (Selesai pemulangan jubah sehingga sebelum 6.30 petang)	Politeknik Port Dickson

- 7.2 Transkrip/Sijil yang tidak dituntut akan disimpan oleh Unit Peperiksaan PIS. Sebarang tuntutan transkrip/sijil selepas Majlis Konvokesyen hendaklah dibuat di **Unit Peperiksaan**. Sila hubungi 07-271 2488 untuk sebarang persoalan.

8. PAS MASUK KENDERAAN

- 8.1 Hanya **Satu Pas Masuk Kenderaan** diberikan. Kenderaan yang mempamerkan pas masuk sahaja dibenarkan memasuki kawasan meletak kenderaan di kawasan **POLITEKNIK PORT DICKSON** atau tempat khas yang disediakan.
- 8.2 Sila pameran pas masuk kenderaan pada cermin hadapan kenderaan masing-masing semasa raptai dan hari Majlis Konvokesyen.

9. TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 9.1 Graduan, ibubapa atau penjaga hendaklah meletakkan kenderaan di tempat letak kenderaan yang telah disediakan.
- 9.2 Sila patuhi arahan petugas lalulintas / pegawai keselamatan yang bertugas bagi mengelak kesesakan lalulintas.

10. PAS MASUK ISTIADAT KONVOKESYEN

- 10.1 Disebabkan tempat yang terhad dan bilangan graduan yang ramai, hanya satu **(1) keping pass** ke dewan diberikan untuk kebenaran masuk bagi **dua (2) orang dewasa** sahaja.
- 10.2 Ibu bapa atau penjaga diminta supaya mengambil tempat duduk masing-masing **sebelum jam 8.00 pagi** (Sidang 1) atau **jam 2.00 petang** (Sidang 2) pada hari Majlis Konvokesyen.
- 10.3 Pas masuk dewan mesti dibawa dan ditunjukkan kepada petugas. Pihak PIS memohon maaf sekiranya terdapat ibubapa atau penjaga yang tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan kerana tempat adalah terhad.
- 10.4 Ibubapa atau penjaga perlu berpakaian kemas dan sopan bersesuaian dengan majlis rasmi.

11. SESI BERGAMBAR (FOTOGRAFI)

- 11.1 Pihak PIS menyediakan perkhidmatan fotografi semasa Majlis Konvokesyen berlangsung.
- 11.2 Syarikat luar telah diberikan tanggungjawab mengambil gambar graduan semasa menerima skrol Ijazah Sarjana Muda / Diploma /Sijil dan urusan selanjutnya (penyerahan gambar) adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.
- 11.3 Semasa Majlis Konvokesyen sedang berlangsung graduan dan tetamu **dilarang** mengambil gambar di dalam atau di luar dewan bagi memastikan kelancaran majlis.

12. BARANG-BARANG PERSENDIRIAN

- 12.1 Pihak PIS tidak bertanggungjawab sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan barangan peribadi.
- 12.2 Graduan dan tetamu adalah diingatkan supaya **tidak membawa masuk** ke dalam dewan seperti **makanan, minuman atau barangan persendirian yang boleh mengganggu perjalanan** Majlis Konvokesyen seperti beg, kamera, telefon bimbit, sebarang peranti atau alatan elektronik dan sebagainya.
- 12.3 Sila matikan atau tukar kepada **Mod Senyap (Silent Mode)** sekiranya membawa masuk alatan elektronik seperti telefon bimbit , “tablet” dan lain-lain.

13. PELANGGARAN ARAHAN OLEH GRADUAN

- 13.1 Graduan yang tidak mematuhi syarat dan arahan yang telah ditetapkan terutama tatacara berpakaian atau penampilan diri yang tidak bersesuaian dengan majlis adalah dilarang atau ditahan daripada mengikuti Majlis Konvokesyen.
- 13.2 Sebarang keputusan mengenai larangan yang telah dikeluarkan **adalah muktamad**.
- 13.3 Justeru itu pihak Politeknik Ibrahim Sultan, mohon kerjasama semua graduan agar mematuhi segala peraturan yang dinyatakan menerusi buku panduan ini dan menerima teguran sekiranya diberi oleh mana-mana pegawai.

14. PERTUBUHAN ALUMNI PIS.

- 14.1 Pertubuhan ini ditubuhkan bagi membentuk jaringan perhubungan di antara Alumni PIS bersama urusetia PIS dari segi pembangunan, kerjaya, pengalaman dan infrastruktur politeknik.
- 14.2 Graduan PIS adalah secara automatik menjadi ahli Alumni . Yuran keahlian sebanyak RM50 telah termasuk di dalam bayaran konvokesyen yang dibayar oleh graduan. Bayaran dikecualikan untuk graduan Ijazah Sarjana Muda yang pernah menjadi pelajar di PIS semasa pengajian peringkat Diploma.
- 14.3 Peranan Pertubuhan Alumni Politeknik Ibrahim Sultan :
 - i. Bekerjasama dengan Unit Kajian Pengesanan Pelajar Politeknik KPT dalam mengesan perkembangan status dan kerjaya graduan PIS.

- ii. Membangunkan pangkalan data alumni.
- iii. Menggembeling kepakaran Alumni PIS dalam melahirkan graduan berkualiti serta berdaya saing dari segi pembelajaran dan kerjaya.
- iv. Platform pertemuan di antara graduan PIS.
- v. Mempromosikan graduan PIS melalui rangkaian hubungan dengan industri.
- vi. Menyalurkan maklumat mengenai graduan PIS kepada agensi luar.
- vii. Mewujudkan jalinan bestari di antara Alumni PIS dan Politeknik KPT bagi membantu graduan dalam pemajuan kecemerlangan akademik dan kerjaya.
- viii. Menyediakan berita-berita aktiviti persatuan Alumni.

15. PENGINAPAN

Penginapan sepanjang Majlis Konvokesyen adalah tanggungjawab graduan dan keluarga. Pihak Politeknik Ibrahim Sultan tidak menyediakan sebarang penginapan.

16. SOAL SELIDIK PENGESANAN GRADUAN

- i. Graduan diwajibkan menjawab soal selidik berkenaan pengesanan graduan melalui pautan <https://tinyurl.com/kpgpis2026>
- ii. Graduan akan dihalang menyertai konvokesyen jika gagal menyelesaikan soal selidik ini.
- iii. Soal selidik ini boleh mula dijawab mulai **1 Ogos 2026**.

17. HAL-HAL LAIN

Sila hubungi PIC jika terdapat sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan urusan berikut:-

- i. **Pengurus Konvokesyen**
PIC, EN.MOHAMAD ZAIDI 013-7777404
- ii. **JK Hebahan**
PIC, Dr. MARRIATYI 017-7207076
- iii. **JK Pensijilan**
PIC, EN. MOHD AZLI 019-7704406
- iv. **Pembayaran Konvokesyen_ iPAYMENT**
PIC, PN. NORINAH 013-7573237
PIC, PN. EZAIDAH 013-7313643
- v. **JK Pembayaran Keahlian ALUMNI**
PIC, PN. AZRINA 012-7335075
- vi. **JK ALUMNI**
PIC, PN. QISTINA 012-7419565
- vii. **JK Pengesanan Graduan**
PIC, Ts. MOHAMAD NOH 013-7497129
- viii. **JK Jubah**
PIC, PN. NOORZULFA 017-7598585
- ix. **JK Pendaftaran Graduan**
PIC, PN.ZARINA 0193065008

Sebarang urusan surat menyurat, sila hantarkan kepada alamat berikut :

**Pengarah,
Politeknik Ibrahim Sultan,
KM 10 Jalan Kong Kong,
81700 Pasir Gudang,
Johor Darul Takzim.
(u.p : JK Pengurusan Graduan)**

Sila rujuk halaman portal rasmi Politeknik Ibrahim Sultan di <https://pis.mypolycc.edu.my/> dan SPMP http://spmp.pis.edu.my/ukonvo/konvo_login.jsp untuk terdapat sebarang perubahan atau maklumat terkini.

“TAHNIAH DAN SELAMAT MAJU JAYA”

LAMPIRAN A

Kaedah mendaftar dan membayar yuran Konvokesyen (Hadir/Tidak Hadir) melalui iPAYMENT

**Kaedah iPAYMENT hanya tertakluk untuk bayaran Yuran Konvokesyen sahaja.
Manakala, bayaran yuran ALUMNI menggunakan akaun Koperasi PIS
(rujuk muka surat 4)*



SISTEM TERIMAAN ELEKTRONIK KERAJAAN PERSEKUTUAN (iPAYMENT)

BAYARAN KONVOKESYEN



PENGENALAN



Apa itu iPayment?

Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment) merupakan sistem terimaan elektronik bersepadu yang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk digunakan oleh agensi Kerajaan Persekutuan.

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA






PORTAL iPAYMENT

Pendaftaran Pengguna

- **URL iPAYMENT :**

- **<https://ipayment.anm.gov.my>**

1) Klik Daftar



2) Lengkapi Maklumat Pengguna

*** Alamat emel disarankan untuk menggunakan emel peribadi. Tidak digalakkan menggunakan emel rasmi jabatan.

Pendaftaran Profil Pengguna

☒ Warganegara ☐ Bukan Warganegara

Jenis Identiti Pengguna *

MyKad



Nombor MyKad *

Alamat E-mel *



Nombor Telefon *

Malaysia



+60

Nama Pertama *

Nama Akhir *

3) Pengesahan Kata Laluan, Captcha dan Daftar

*** Kata Laluan mestilah kombinasi 8 minimum karakter, sekurang-kurangnya satu huruf besar, satu nombor dan satu simbol.

Kata Laluan *

.....

Pengesahan Kata Laluan *

.....

☒ Saya bersetuju dengan terma dan syarat.

L WB 0 A T

Kembali

Daftar

Masukkan Captcha *

LWBOAT

4) Pengaktifan Akaun

Pengaktifan Akaun

Pendaftaran anda telah berjaya dihantar. Sila semak e-mel a*****2@yahoo.com.my untuk pengaktifan akaun anda.

Kod Pengaktifan

Aktif Akaun


Tidak terima? [Hantar Semula](#)



PORTAL iPAYMENT

Pembayaran

1) Klik Log Masuk



2) Pilih Menu Perkhidmatan – Pendidikan



0

Bil Individu

0

Bil Organisasi

0

Pertanyaan
Belum
Selesai

Hebahan



Lihat Semua

Perkhidmatan

Pilih menu perkhidmatan yang tersenarai di bawah atau buat carian perkhidmatan.

Q Carian



Analisis & Ujian



Bayaran Balik



Denda & Saman



Derma & Sumbangan



Jualan



Kompaun



Kursus & Latihan



Lesen & Permit



Pelancongan & Rekreasi



Pendidikan



3) Pilih Lain-lain - Bayaran-bayaran perkhidmatan yang lain(Bayaran Konvokesyen)Piliteknik Ibrahim Sultan

Pendidikan

Senarai Perkhidmatan

 Kata Kunci



Yuran Pengajian



Yuran Pendaftaran



Lain - lain



BAYARAN-BAYARAN PERKHIDMATAN YANG LAIN (BAYARAN KONVOKESYEN)



AGENSI : POLITEKNIK IBRAHIM
SULTAN

JABATAN : POLITEKNIK IBRAHIM
SULTAN

KEMENTERIAN : KEMENTERIAN PENDIDIKAN
TINGGI (KPT)

4) Pilih Produk & Klik Bayar

*** Pastikan memilih Produk yang dengan betul ,Pilih bayaran samada hadir atau tidak hadir konvokesyen sebelum membuat bayaran untuk mengelakkan kesulitan tuntutan bayaran balik.

Lain - lain - BAYARAN-BAYARAN PERKHIDMATAN YANG LAIN (BAYARAN KONVOKESYEN) ♥

Carian



NAMA *

SILA MASUKKAN NAMA PELAJAR SEPERTI DALAM KAD PENGENALAN.

NOMBOR KAD PENGENALAN *

SILA MASUKKAN NOMBOR KAD PENGENALAN PELAJAR.

SESI PENGAJIAN *

SILA MASUKKAN SESI PENGAJIAN (CTH:SESI 1:2025/2026).

NOMBOR TELEFON *

SILA MASUKKAN NO TELEFON PELAJAR.

Pilihan

Reset Pilihan

Produk

☐ BAYARAN KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

☐ BAYARAN KONVOKESYEN SIJIL

Subproduk

BAYARAN KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

HADIR MAJLIS KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

> HADIR MAJLIS KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH
RM250.00/Unit

- 0 +

TIDAK HADIR KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

> TIDAK HADIR KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH
RM200.00/Unit

- 0 +

BAYARAN KONVOKESYEN SIJIL

HADIR MAJLIS KONVOKESYEN SIJIL

> HADIR MAJLIS KONVOKESYEN SIJIL
RM200.00/Unit

- 0 +

TIDAK HADIR KONVOKESYEN SIJIL

> TIDAK HADIR KONVOKESYEN SIJIL
RM150.00/Unit

- 0 +

Jumlah (0) **RM0.00**



Bayar



Contoh cara bayaran:

[Kembali](#)

Lain - lain - BAYARAN-BAYARAN PERKHIDMATAN YANG LAIN (BAYARAN KONVOKESYEN) 

BAYARAN KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

Carian



NAMA *

NUR AISHAH BINTI AHMAD

NOMBOR KAD PENGENALAN *

041112015456

SESI PENGAJIAN *

1:2025/2026

NOMBOR TELEFON *

0137572327

Pilihan (1)

[Reset Pilihan](#)

☒ BAYARAN KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

Produk

☒ BAYARAN KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

☐ BAYARAN KONVOKESYEN SIJIL

Subproduk

BAYARAN KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

HADIR MAJLIS KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

> HADIR MAJLIS KONVOKESYEN DIPLOMA /
IJAZAH

RM250.00/Unit

- 1 +

TIDAK HADIR KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

> TIDAK HADIR KONVOKESYEN DIPLOMA /
IJAZAH

RM200.00/Unit

- 0 +

Jumlah (1) **RM250.00** 

Bayar



5) Pilih Kaedah Pembayaran & Jana resit

***Klik Bayar

0

Bil Individu

0

Bil Organisasi

0

Pertanyaan Belum Selesai

Bayar

Jumlah Seunit (RM)

Unit

Jumlah (RM)

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI (KPT)

BAYARAN-BAYARAN PERKHIDMATAN YANG LAIN (BAYARAN KONVOKESYEN)

NAMA

NUR AISHAH BINTI AHMAD

NOMBOR KAD PENGENALAN

041112015456

SESI PENGAJIAN

1:2025/2026

NOMBOR TELEFON

0137572327

HADIR MAJLIS KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

BAYARAN KONVOKESYEN DIPLOMA / IJAZAH

250.00

1

250.00

Pihak Tanggung Caj: Kerajaan

Kaedah Pembayaran

☒ Perbankan Internet

Bank Islam

☐ Kad

☐ E-Dompet

Amaun Perlu Dibayar

RM250.00

Bayar

17

7) Jana Resit

***. Klik Sejarah pembayaran – Tindakan – klik lihat resit

**iPayment**
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

English      Norinah 

Sejarah Pembayaran

Sejarah Pembayaran

Tarikh Mula  03/07/2026 

Kata Kunci 

Bayaran Mengikut Transaksi

Bayaran bagi Diri Sendiri

Bayaran oleh Pihak Ketiga

Bayaran untuk Pihak Ketiga

Paparan Kolum 

Muat Turun 

NO.	NO. TRANSAKSI	TARIKH PEMBAYARAN	AMAUN (RM)	TINDAKAN
1.	T2606AFP040000005623	22/06/2026	50.00	
2.	T2606AFP040000005622	22/06/2026	20.00	
3.	T2606RHP040000005509	22/06/2026	50.00	
4.	T2606RHP040000005484	22/06/2026	200.00	
5.	T2606AFP040000005596	22/06/2026	50.00	
6.	T2508AFP010000002008	04/08/2025	30.00	
7.	T2507AFP010000005103	06/07/2025	260.25	

Rekod Halaman

10 

< 1 >

7) Contoh Resit yang dijana



KERAJAAN MALAYSIA

**RESIT RASMI
SALINAN**

Kew. 38E04-2023

Diterima Daripada : NORINAH SARKAWI

No. Resit : RN260662320102003168

Bayaran Bagi Pihak : FIRMAN SHAH PUTRA RUZMANTI

Tarikh & Masa Bayaran : 22/06/2026 11:11 AM

No. Identiti : 081112101031

No. Transaksi : T2606AFP040000005623

Alamat : NO 22 JALAN BAYU LAGENDA 3, RAWANG, 48000, SELANGOR

No. Rujukan : 081112101031/S03066/SEM1

Kaedah Pembayaran : PORTAL / E-DOMPET



**SEKIAN,
TERIMA KASIH.**

LAMPIRAN B

SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN

SAHSIAH DAN RUPADIRI GRADUAN

1. Sahsiah Dan Rupadiri Semasa Pendaftaran Dan Acara Raptai

- i. Semua graduan mesti berpakaian kemas dan menampilkan perwatakan menarik, matang, sopan serta bersesuaian.
- ii. Graduan **DILARANG TEGAS** memakai seluar jenis *jeans*, **selipar**, **capal** dan **T-shirt tanpa kolar** semasa menghadiri sesi **pendaftaran dan raptai**.
- iii. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek dan graduan wanita Islam hendaklah menutup aurat (bertudung) atau bagi yang bukan beragama Islam, rambut disisir rapi, kemas dan **tidak diwarnakan**.

2. Etika Berpakaian Graduan Lelaki Semasa Majlis Konvokesyen.

- i. Graduan beragama Islam **digalakkan** berpakaian **baju kebangsaan lengkap BERWARNA HITAM** sahaja (songkok, baju, seluar, berbutang, samping serta kasut kulit berwarna hitam), atau
- ii. Baju kemeja lengan panjang berwarna putih, berseluar *slack* hitam/gelap dan bertali leher. **Pemakaian blazer adalah diwajibkan** sekiranya graduan memilih untuk memakai kemeja.
- iii. Graduan kaum **Sikh** dibenarkan memakai **turban**. Hanya turban yang **berwarna** hitam sahaja yang

dibenarkan.

- iv. Graduan **tidak** dibenarkan memakai **tali bow (bowtie)**.
- v. **Berambut pendek**, kemas dan **tidak diwarnakan**.
- vi. Graduan hendaklah memakai kasut yang bersih dan bersesuaian (bahagian depan kaki bertutup), **sandal, capal atau** kasut jenis **sukan** tidak dibenarkan sama sekali.
- vii. Penggunaan kasut kulit berwarna hitam atau gelap amat digalakkan.



Gambar 1 : Rupa diri, pakaian dan rambut graduan lelaki.

3. Etika Berpakaian Graduan Wanita Semasa Majlis Konvokesyen.

- i. Graduan Wanita dibenarkan memakai Baju Kurung atau Kebaya Labuh warna bebas. Bagi graduan wanita beragama Islam hendaklah mengenakan **tudung** berwarna **krim atau putih**. Pakaian perlu bersesuaian dengan protokol majlis.
- ii. Bagi graduan bukan beragama Islam dibenarkan berpakaian sopan, tidak ketat, tidak jarang, tidak berbelah dan tidak terdedah. Baju mestilah berlengan dan sekiranya memakai **skirt** hendaklah labuh melepasi **di bawah paras lutut**.
- iii. Graduan hendaklah memakai kasut yang bersih dan bersesuaian (bahagian depan kaki bertutup), **sandal, capal atau** kasut jenis **sukan** tidak dibenarkan sama sekali.
- iv. Penggunaan kasut kulit berwarna hitam atau gelap amat digalakkan.



Gambar 2 : Rupa diri, pakaian dan rambut graduan wanita (tudung warna putih/krim dan kasut bertumit bertutup)



Gambar 3 : jenis kasut graduan yang tidak dibenarkan

LAMPIRAN C

LAYOUT & LALUAN TRAFIK KONVOKESYEN 2026

LAYOUT TAPAK KONVOKEYEN 2026

Cadangan Tapak
Pesta Konvo Baharu
(Gerai Basah)

DEWAN
WAWASAN

Cadangan Tapak
Pesta Konvo Baharu
(Gerai kering)

Tapak Pesta
Konvo Lama



DK5 & DK 6

Pusat Agihan Jubah
dan Lain-Lain

DK 4 - Pusat
Taklimat Graduan

DK1, DK 2 & DK 3

Pusat Agihan Jubah
dan Lain-Lain

LALUAN TRAFIK KONVOKESYEN 2026

Pintu Keluar Utama
Gate B

Parking Staf Konvo

Blok Akademik

**DEWAN
WAWASAN**

Parking Tetamu Jemputan

Pintu Masuk Utama

Pintu Keluar/Masuk Staf
PPD

Gate C

Parking Graduan & Ibu Bapa
(500 -600 Kenderaan)

Padang Softball



Majlis Konvokesyen POLYCC Zon Selatan 2026

LALUAN TRAFIK KONVOKESYEN 2026

